

Cabaran Pengajaran Bahasa Melayu

Kanak-kanak Orang Asli

Kepelbagaian kaum yang wujud di negara ini telah membentuk sebuah masyarakat yang unik dengan wujudnya kerencaman bahasa. Menurut Asmah Haji Omar dalam buku *The Linguistics Society in Malaysia* yang diterbitkan pada tahun 1992 menyatakan bahawa terdapat lebih 100 jenis bahasa yang digunakan oleh masyarakat Malaysia termasuklah bahasa yang masih dituturkan oleh kelompok etnik minoriti orang asli di Semenanjung Malaysia serta kaum peribumi di Sabah dan di Sarawak.


Orang asli merupakan kaum minoriti yang tinggal di negara ini dengan mengamalkan budaya dan cara hidup yang tersendiri. Menurut perlembagaan negara, orang asli merupakan penduduk asal yang

mempunyai hak istimewa termasuklah hak dalam pendidikan. Orang asli boleh dibahagikan kepada tiga kelompok utama, iaitu orang asli Negrito, orang asli Senoi dan orang asli Melayu-Proto. Kesemua etnik orang asli ini menggunakan bahasa yang berbeza-beza daripada bahasa Melayu, terutamanya kumpulan Negrito dan Senoi.

Pada tahun 2013, Michael Dunn, Nicole Kruspe dan Niclas Burenhult dalam membicarakan tentang orang asli dari sudut linguistik menerusi makalah "Time and Place in the Prehistory of the Aslian Languages", menyatakan bahawa orang asli menggunakan bahasa Aslian, iaitu satu daripada bahasa keluarga Mon-Khmer yang berasal daripada rumpun Austroasiatik manakala bahasa Melayu merupakan bahasa yang berasal daripada rumpun Austronesia.

Penggunaan Bahasa Melayu dalam urusan rasmi termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Maka itu, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar utama dalam pendidikan negara adalah diwajibkan kepada setiap pelajar. Penguasaan bahasa Melayu yang lemah telah menyebabkan murid orang asli tidak dapat mengikuti pelajaran dengan sempurna dan gagal dalam peperiksaan. Perkara ini memberikan cabaran kepada guru dalam usaha mengajarkan bahasa Melayu kepada kanak-kanak orang asli. Kebanyakan kanak-kanak orang asli membesar dengan bahasa ibunda mereka sendiri yang berbeza daripada bahasa Melayu. Perkara ini menyebabkan mereka menghadapi kesukaran dalam memahami dan menggunakan bahasa Melayu. Perbezaan sistem bahasa ini juga mengakibatkan gangguan kepada kognitif mereka dalam mentafsir bahasa Melayu sehingga menjejaskan pemahaman mereka terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berlaku di dalam bilik darjah.

Kanak-kanak orang asli tidak memahami bahasa Melayu kerana terdapat perbezaan ciri-ciri linguistik antara bahasa Aslian dengan



Penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak orang asli perlu terus dipertingkatkan.

bahasa Melayu. Penulis mengambil contoh bahasa orang asli Semai (dari kelompok Senoi) untuk menjelaskan beberapa perbezaan dari aspek morfologi, sintaksis dan fonologi. Ternyata perbandingan yang dibuat memperlihatkan bahawa kedua-dua bahasa ini mempunyai banyak perbezaan yang ketara. Kekeliruan ini mendasarkan masalah pemahaman atau maksud sebenar yang hendak disampaikan khususnya dalam sesi PdP di dalam bilik darjah.

Aspek Morfologi

Kata dasar dalam bahasa Melayu bersifat derivatif atau aglutinatif yang boleh menerima pelbagai imbuhan untuk menerbitkan kata lain manakala dalam bahasa Aslian pada asasnya adalah bersuku kata tunggal. Selain itu, terdapat juga imbuhan dalam bahasa Aslian, namun imbuhan tersebut dilihat lebih kepada kata sendi, contohnya klausa /ku blOk/ yang membawa maksud “kat” mana?, iaitu berfungsi sebagai kata sendi nama.

Di samping itu, terdapat beberapa kata imbuhan dalam bahasa Aslian yang sangat terhad bilangannya seperti “ku” yang bermaksud “kat” dan “ki” yang membawa maksud “di”.

Jumlah kosa kata bahasa Melayu yang agak terbatas akan mengekang kefasihan seseorang menuturkan sesuatu bahasa dengan sebaik-baiknya. Jumlah kata yang agak terbatas dan dibentuk secara demikian tidak mencukupi untuk keperluan bahasa, maka wujud sebuah unsur istimewa, yakni penekanan nada pengucapan untuk membezakan kata yang terdiri daripada bunyi yang sama.

Perbezaan dalam sistem morfologi juga mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak orang asli. Dalam bahasa Melayu terdapat dua pola suku kata, iaitu suku kata asli dan suku kata pinjaman, iaitu terbina daripada konsonan (K) dan vokal (V). Setiap suku kata boleh terbina daripada KV, VK, KVK, VKV, VKVK, KKVK dan seterusnya. Bagi bahasa Semai, binaan katanya boleh terbina daripada satu suku kata namun kebanyakan kata adalah terdiri daripada dua suku kata.

Aspek Sintaksis

Dari aspek sintaksis, penggunaan kata ganti nama diri orang dalam bahasa Semai juga mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu yang menunjukkan bilangan seorang atau tunggal, dua orang dan banyak orang. Penggunaan kata ganti nama diri orang pertama, kata ganti nama diri orang kedua dan kata ganti nama diri orang ketiga dapat dilihat dalam bahasa orang asli

(Semai). Contohnya, kata “hek” (kamu – seorang) dan kata “hik” (kamu – yang menunjukkan lebih daripada seorang atau bilangan yang banyak).

Berdasarkan binaan ayat, bahasa Melayu dan bahasa Semai mempunyai persamaan, yakni terbina daripada struktur kata nama (KN)- kata kerja (KK)- objek (O) sebagai asas dalam pembinaan klausa utama.

Imbuhan awalan seperti /pər/ dan /tər/ dalam bahasa Melayu mempunyai konotasi kausatif, iaitu kebanyakan katanya terbentuk melalui proses pengimbuhan atau penggabungan kata dasar sama ada imbuhan awalan, sisipan atau akhiran manakala dalam bahasa Semai walaupun ada penggunaan imbuhan tetapi lebih mementingkan penekanan pada suku kata utama.

Aspek Fonologi

Bahasa Aslian ialah bahasa yang bersifat iambik, iaitu kebanyakannya terbina daripada suku kata tunggal. Penekanan yang dilakukan dalam suku kata utama menyebabkan kadangkala suku kata kecil digugurkan (bunyi nasal/sengau dan panjang pendek diutamakan).

Bahasa Melayu pula lebih bersifat aglutinatif, iaitu banyak kata yang dibina melibatkan pengimbuhan terutamanya imbuhan awalan dan akhiran. Walaupun bahasa Melayu tidak bersifat iambik seperti bahasa Semai (bahasa Aslian), namun dalam pertuturan atau interaksi yang terjadi, penekanan tinggi atau rendah nada intonasi juga penting untuk menyampaikan atau menggambarkan kepentingan maksud atau tujuan penutur dalam sesuatu pengucapan.

Berdasarkan beberapa contoh yang diberikan, perbezaan sistem bahasa antara bahasa Semai dengan bahasa Melayu mengakibatkan kanak-kanak orang asli sering melakukan kesalahan bahasa. Penyimpangan bahasa semasa proses interferensi boleh mengakibatkan berlakunya penyimpangan makna dalam memahami bahasa Melayu sebagai bahasa kedua seterusnya menjejaskan maksud asal ayat dalam interaksi atau PdP.

Bahasa orang asli khususnya daripada keluarga bahasa Mon-Khmer merupakan bahasa yang berasal daripada rumpun bahasa Austroasiatik. Oleh itu, bahasa Aslian sangat berbeza dengan bahasa Melayu yang berasal daripada rumpun bahasa Austronesia. Kekeliruan tentang bahasa boleh wujud sewaktu proses komunikasi disebabkan oleh latar belakang bahasa yang berbeza. Masalah tidak menguasai bahasa Melayu memberikan implikasi kepada keciciran orang asli dalam pendidikan termasuklah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.



Pendidik bertanggungjawab dalam memastikan anak muridnya menguasai bahasa Melayu dengan sebaik-baiknya.

Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa merentas kurikulum di sekolah memerlukan seseorang murid menguasai bahasa Melayu dengan sebaik-baiknya kerana bahasa tersebut menjadi bahasa utama untuk pembelajaran semua mata pelajaran (kecuali bahasa Inggeris). Kajian yang pernah dilakukan oleh penulis pada tahun 2020 di beberapa buah sekolah di daerah Batang Padang, Tapah, Perak, mendapati bahawa punca utama kanak-kanak orang asli gagal dalam arus pendidikan adalah disebabkan oleh mereka tidak menguasai bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, guru Bahasa Melayu perlu memainkan peranan yang lebih jitu untuk memastikan kanak-kanak orang asli menguasai bahasa Melayu.

Dalam kajian linguistik, pemahaman terhadap bahasa atau kecekapan linguistik itu amat penting dalam memahami makna sebenar maksud sesuatu ayat, sama ada yang tersurat atau secara tersirat. Kecekapan linguistik ditakrifkan sebagai sistem peraturan yang mentadbir pemahaman tersirat individu dan sesuatu hal yang boleh diterima atau perkara yang tidak boleh diterima dalam sesuatu bahasa seperti yang dinyatakan oleh ahli bahasa yang terkenal, iaitu Noam Chomsky. Beliau menamakan dua komponen pengetahuan bahasa sebagai kecekapan linguistik dan kecekapan pragmatik. Kecekapan linguistik merujuk sistem formal sesuatu bahasa dan kecekapan pragmatik merujuk peraturan sosial atau kemasyarakatan semasa seseorang

Punca utama kanak-kanak orang asli gagal dalam arus pendidikan adalah disebabkan oleh mereka tidak menguasai bahasa Melayu.

pengguna bahasa menggunakan bahasa dalam situasi yang berbagai-bagai. Kecekapan linguistik boleh dianggap sebagai semakan idea dalam sistem bahasa. Hal ini demikian kerana tahap penguasaan sintaksis penutur bahasa kedua tidak sama dengan tahap penguasaan bahasa penutur jati dalam kecekapan linguistik mereka. Contohnya, dalam penggunaan kata metafora seperti “awan berarak dan rembulan kesiangan” mempunyai konotasi makna yang simbolik dan puitis.

Cabaran dalam Penguasaan Bahasa Melayu

Selain masalah dan cabaran dari aspek linguistik, terdapat cabaran lain yang perlu diberikan perhatian oleh pendidik dan pihak yang berkaitan dengannya dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak orang asli. Antaranya termasuklah keterbatasan sumber, kekurangan motivasi dan perbezaan budaya dan nilai.

Keterbatasan Sumber

Kesedaran tentang pendidikan telah wujud dalam kalangan orang asli, namun masih terdapat beberapa faktor seperti perbezaan bahasa, persekitaran yang kurang memberangsangkan dan keadaan geografi yang menyulitkan pergerakan murid yang mengekang mereka untuk belajar. Mohamad Johdi Salleh dan Abdul Razak Ahmad pada tahun 2009 dalam makalah bertajuk “Kesedaran Pendidikan dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya” menyatakan bahawa tahap pendidikan ibu bapa yang rendah dan kurangnya

pendedahan masyarakat orang asli dengan dunia luar menjadikan tahap pendidikan mereka kekal berada pada tahap yang kurang memuaskan. Keadaan ini juga menyebabkan inisiatif untuk menggalakkan anak-anak belajar dengan pelbagai sumber pembelajaran tidak dapat dilaksanakan atau dijayakan.

Lokasi sekolah yang berada di kawasan pedalaman tempat tinggal orang asli juga menjadi antara faktor yang menyebabkan keterbatasan sumber pembelajaran, termasuklah buku teks dan bahan pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak orang asli. Hal ini menyulitkan proses PdP mereka termasuklah penguasaan terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, dalam usaha memastikan mereka tidak keciciran dalam pendidikan, pihak pentadbir sekolah perlu memastikan sumber bahan PdP mencukupi untuk keperluan murid. Dalam era pendigitalan pada masa ini, bahan digital juga perlu dimanfaatkan secara optimum supaya anak-anak orang asli tidak ketinggalan dalam arus pemodenan.

Pihak kerajaan boleh melaksanakan Program Pengangkutan Murid untuk mengangkut murid orang asli ke sekolah. Hal ini dapat membantu mengatasi cabaran geografi yang dialami oleh sesetengah komuniti orang asli yang terpencil. Skim Bantuan Pendidikan Khas (SBPK) yang disalurkan oleh kerajaan untuk bantuan kewangan pula dapat menampung kos pendidikan seperti buku teks, uniform dan alat tulis. Perkara ini secara tidak langsung dapat mengurangkan beban kewangan keluarga orang asli.

Kekurangan Motivasi

Motivasi merupakan aspek penting dalam meningkatkan semangat murid orang asli untuk mempelajari bahasa Melayu. Kekurangan motivasi akan melemahkan semangat, mengurangkan keinginan dan menjadi halangan kepada murid untuk mempelajari bahasa Melayu dengan berkesannya. Kebanyakan orang asli masih hidup dalam kemiskinan dan keadaan itu turut mempengaruhi motivasi dan prestasi pencapaian pendidikan anak-anak mereka. Pencapaian murid orang asli di sekolah didapati turut terjejas dengan keadaan prasarana yang kurang memberangsangkan dalam menghadapi cabaran untuk memahami kepentingan dan kerelevanan pembelajaran bahasa Melayu dalam kehidupan mereka.

Pelibatan ibu bapa dan komuniti tempatan dalam proses PdP bahasa Melayu dapat membina sokongan dan pemahaman yang lebih baik terhadap kepentingan pendidikan mereka. Hassan Mat Noor dalam makalah "Masyarakat Orang Asli: Pendidikan dari Perspektif Sosiobudaya" telah mengupas berkenaan dengan pendidikan orang asli yang sering ketinggalan. Faktor sosiobudaya dikatakan mempunyai perkaitan yang rapat dalam mempengaruhi aspek emosi dan pendidikan orang asli. Masyarakat orang asli kebanyakannya hidup dalam arus kemiskinan. Kemiskinan yang melingkari mereka menyebabkan mereka berasa rendah diri dan tidak berkemampuan untuk mengikuti cabaran pendidikan.

Berdasarkan pengalaman penulis, komitmen dan sikap guru juga boleh memberikan implikasi kepada emosi murid. Oleh itu, pengajaran guru khususnya

Guru boleh menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai untuk menarik minat murid belajar.



dalam mata pelajaran Bahasa Melayu seharusnya mengimplementasikan pendekatan pembelajaran aktif yang melibatkan interaksi berbentuk permainan, aktiviti kreatif dan pengalaman langsung yang menyeronokkan. Guru perlu lebih kreatif dalam mengadaptasi dan menambah baik PdP dengan menerapkan pelbagai kaedah dan teknik yang berkait dengan unsur alam. Kanak-kanak orang asli telah dilatih oleh ibu bapa sejak kecil tentang unsur-unsur alam. Mereka juga sangat tertarik dengan PdP yang menggunakan teknik nyanyian, tarian, mahupun aktiviti berunsur kesenian yang berkaitan dengan kehidupan mereka.

Program Latihan Guru Orang Asli juga perlu diberikan bagi meningkatkan kecekapan guru untuk mengajar murid orang asli. Guru-guru dilatih untuk memahami keperluan khas murid orang asli dan cara terbaik untuk berinteraksi dengan mereka. Dengan adanya pendekatan pembelajaran yang menyeronokkan diharapkan dapat meningkatkan lagi kualiti sesebuah proses PdP serta menarik minat kanak-kanak orang asli untuk terus hadir dan bermotivasi ke sekolah. Usaha kerajaan membangunkan sekolah rendah khas untuk komuniti orang asli di kawasan pedalaman adalah sangat baik untuk kemajuan pendidikan masyarakat orang asli (Contohnya SK Pos Musoh di Tapah). Hal ini membolehkan akses kepada pendidikan yang berkualiti dalam lingkungan yang sesuai dengan budaya dan keperluan komuniti orang asli.

Program Jom Belajar, iaitu Program Khas Murid Orang Asli (PROKHAS) dan Chup Badui Sikulah (CBS) untuk memberikan akses pendidikan asas kepada kanak-kanak orang asli yang tinggal di kawasan pedalaman dan tidak pernah bersekolah juga dapat meningkatkan minat kanak-kanak orang asli untuk hadir ke sekolah. Sesi libat urus dan Program Ziarah Kasih bersama-sama komuniti orang asli di perkampungan masyarakat orang asli yang dilaksanakan oleh KPM juga dapat membantu ibu bapa memastikan anak-anak mereka mendapat akses pendidikan. Usaha ini merupakan suatu motivasi kepada ibu bapa, guru dan anak-anak untuk memastikan kelangsungan pembelajaran sepanjang hayat.

Perbezaan Budaya dan Nilai

Kerajaan telah banyak mengeluarkan perbelanjaan untuk membantu meningkatkan taraf pendidikan orang asli. Namun begitu, faktor bahasa dan budaya yang berbeza masih dilihat menjadi satu daripada

halangan yang besar untuk memajukan masyarakat ini dalam pendidikan.

Budaya dilihat menjadi antara faktor yang mempengaruhi mentaliti kanak-kanak orang asli untuk mengubah taraf hidup mereka. Oleh itu, perbezaan budaya dan nilai antara masyarakat majoriti dengan masyarakat orang asli harus ditangani dengan bijak agar murid dapat menyesuaikan diri mereka dengan rakan daripada budaya lain serta mempunyai semangat untuk bersaing dalam pelajaran. Dalam konteks ini, guru perlu peka terhadap perbezaan latar belakang budaya dan nilai murid dalam merancang aktiviti pengajaran yang sesuai dengan budaya mereka bagi memupuk minat murid dalam proses pembelajaran.

Pembangunan bahan pengajaran yang bersesuaian dengan budaya dan keperluan kanak-kanak orang asli boleh membantu meningkatkan keseronokan dan keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu. Guru boleh menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai seperti menggunakan pendekatan kontekstual yang mengambil kira konteks budaya dan kehidupan harian kanak-kanak orang asli untuk meningkatkan pemahaman dan minat mereka terhadap bahasa Melayu.

Kesimpulannya, cabaran pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak orang asli di Malaysia memerlukan pendekatan yang holistik dan bersepadu untuk memastikan keberkesanan proses pembelajaran agar berada pada tahap yang optimum. Dengan usaha yang berterusan dan sokongan yang mencukupi, pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu boleh menjadi lebih berkesan dan bermakna bagi kanak-kanak orang asli seterusnya membantu mereka memperoleh kemahiran berbahasa yang merupakan aspek penting untuk masa hadapan mereka.

Sebagai medium utama untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, bahasa Melayu perlu dikuasai terlebih dahulu sebelum mengikuti pembelajaran di sekolah. Kepentingan menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa merentas kurikulum harus diambil berat supaya kanak-kanak orang asli tidak ketinggalan untuk mengikuti pembelajaran di sekolah. Perbezaan yang ada dalam kedua-dua sistem bahasa, iaitu bahasa Melayu dengan bahasa Aslian boleh menimbulkan kekeliruan dalam pembelajaran mereka untuk menguasai bahasa Melayu. Oleh itu, semua pihak khususnya mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan harus bijak memilih dan menggunakan pendekatan yang bersesuaian dalam melaksanakan proses PdP di dalam bilik darjah demi kecemerlangan pendidikan kanak-kanak orang asli. 